

# Lejar dedah lebih banyak nama

Um - 26/7/2022 mld: 7

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**  
athir.ismail@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Pengerusi Parti Pejuang, Tun Dr. Mahathir Mohamad didakwa menerima dana berjumlah RM2.6 juta daripada syarikat Ultra Kirana Sdn. Bhd. (UKSB) sebanyak dua kali selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Dana tersebut didakwa Saksi Pendakwaan Ke-17, David Tan Siong Sun diberi kepada anak saudara Dr. Mahathir, Tan Sri Rahmat Abu Bakar yang disebut sebagai 'Kedahan' pada Ogos dan September 2018 ketika lebar UKSB dirujuk dalam prosiding di hadapan Hakim Datuk Mohd. Yazid Mustafa semalam.

Sejumlah RM1.3 juta diberikan pada bulan-bulan tersebut ketika Ahli Parlimen Langkawi

itu menjadi Pengerusi Parti Bersatu dan Perdana Menteri Ke-7, sejak tiga bulan selepas Pakatan Harapan memenangi PRU14.

Dalam pemeriksaan terhadap David Tan, peguam mewakili Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Zaidi Zainal bertanya mengenai peranan Rahmat dan kaitannya dengan UKSB atas pemberian dana tersebut.

David Tan kemudian mengesahkan cadangan daripada peguam bahawa Ismail Khan Lal Khan merupakan Pengarah Giro Makro Sdn. Bhd. (GMKSB) serta UKSB dan dalam masa sama Rahmat juga sebagai Pengarah GMKSB.

Sementara itu, dalam prosiding yang sama, David Tan memaklumkan UKSB memberi dana kepada Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin mela-

lui kawan baiknya Datuk Teo Wee Cheng iaitu Pengarah Syarikat SHH Resources Sdn. Bhd. (SHH).

Asas pemberian terbabit juga dikaitkan dengan abang kepada Muhyiddin iaitu Tan Sri Abdul Aziz yang pernah menjadi pengerusi syarikat tersebut dan dalam masa sama David Tan adalah salah seorang ahli lembaga pengarahnya.

Dalam pada itu, menerusi lebar UKSB, Naib Ketua Pemuda UMNO, Shahril Sufian Hamdan juga disebut sebagai penerima dana daripada syarikat berkenaan dengan catatan kod nama sebagai 'S Pat'.

David Tan mengesahkan, UKSB memberikan dana sebanyak RM1.162 juta kepada Ketua Penerangan UMNO itu selepas disoal peguam Ahmad Zahid, Hamidi Mohd. Noh.

"Berdasarkan dokumen P63 pada muka surat 47, dana tersebut diberikan kepada Shahril. Bayaran dibuat pada bulan Mac?" soalnya.

"Ya," jawab David Tan.

**Hamidi:** Itu kepada S Pat kan?

**David Tan:** Ya.

**Hamidi:** Jumlahnya adalah RM20,000 untuk bulan berkenaan?

**David Tan:** Betul

**Hamidi:** 'S Pat' adalah merujuk kepada Shahril Sufian?

**David Tan:** Betul

**Hamidi:** Siapa Shahril Sufian?

**David Tan:** Rakan kepada Wan Badak (Wan Quoris Shah Wan Abdul Ghani).

**Hamidi:** Dibayar setiap bulan (jumlah RM1.162 juta)?

**David Tan:** Ya.

**Hamidi:** Adakah UKSB memberikan dana kepada Shahril Sufian sebanyak RM1.162 juta?

**David Tan:** (Wang tersebut) sebagai dana politik untuk pilihan raya.

**Hamidi:** Shahril Sufian, Ketua Penerangan UMNO?

**David Tan:** Saya rasa ya.

Selain itu, turut didedahkan sebagai penerima dana daripada UKSB berdasarkan lebar syarikat tersebut adalah bekas Timbalan Presiden MCA, Tan Sri Chan Kong Choy (RM7.8 juta) dengan kod nama 'Prof' serta bekas Setiausaha Agung, Tan Sri Ong Ka Chuan (RM922,820) dengan kod nama 'OKC'.

Seorang lagi penerima dana UKSB adalah Pegawai daripada Bahagian Hal Ehwal Imigresen di Kementerian Dalam Negeri yang menerima jumlah RM1.5 juta.

Hakim Mohd. Yazid menatap prosiding bersambung pukul 10 pagi ini.